

UCAPAN OLEH

**YANG AMAT ARIF KETUA HAKIM
DATO SERI PADUKA STEVEN CHONG**

**PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG 2025
KHAMIS, 23 JANUARI 2025**

TERJEMAHAN

Yang Berhormat Peguam Negara,

Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie,

Yang Mulia Timbalan Menteri, Sekuriti dan Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri,

Yang Di-Pertua Persatuan Undang-Undang,

Ahli-Ahli Badan Peguam,

Hadirin dan hadirat,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

I. PENGENALAN

1. Selamat datang ke Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2025. Ini merupakan satu penghormatan bagi saya untuk berucap di hadapan awda pagi ini. Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang menandakan sebuah detik renungan, pembaharuan dan pengukuhan komitmen kita terhadap keadilan dan kedaulatan undang-undang. Hari ini, ketika kita berkumpul untuk memperingati acara ini, kita melakukannya dalam persekitaran yang penuh dengan perubahan pesat dan peningkatan cabaran yang rumit. Cabaran-cabaran yang kita hadapi – sama ada undang-undang, sosial atau teknologi – memerlukan penyesuaian diri, pandangan jauh dan dedikasi yang teguh kepada nilai bersama kita.
2. Sepanjang tahun lepas, mahkamah kita terus menegakkan kedaulatan undang-undang dengan adil, saksama dan cekap. Walaubagaimanapun, ketika kita mengemudi dunia yang semakin saling berhubung dan didigitalkan, kita mesti berkembang untuk memenuhi keperluan masa ini. Untuk tujuan ini, saya dengan sukacita mengumumkan beberapa inisiatif-inisiatif yang utama.

II. INISIATIF-INISIATIF UTAMA UNTUK 2025

A. Penaik Tarafan JCMS

3. Sistem Pengurusan Kes Kehakiman (JCMS) telah diperkenalkan pada bulan Mac 2015 sebagai sebahagian daripada pelan strategik Kehakiman untuk mencapai kecemerlangan melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, akses yang lebih baik, dan integrasi maklumat di dalam mahkamah. Memandangkan kemajuan teknologi yang sangat cepat dan terdapat keperluan berterusan untuk mengkaji sistem secara aktif dan untuk mendapatkan

TERJEMAHAN

peningkatannya serta terdapat permintaan bagi ciri-ciri baru yang bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan mahkamah secara keseluruhannya, bukan hanya untuk pengguna dalaman sahaja tetapi juga untuk pihak berkepentingan dan orang ramai.

4. Penaikan tarafan sistem-sistem pengurusan kes mahkamah ini bukan lagi satu perkara pilihan tetapi keperluan bagi mana-mana Badan Kehakiman untuk menaik-taraf sistemnya untuk bertindak secara berkesan dan cekap dalam menyampaikan keadilan. Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa pada tahun ini, Badan Kehakiman berhasrat untuk menaik taraf JCMS serta membangunkan JCMS 2.0 untuk meningkatkan dan memperluaskan fungsi landasan kepada potensi sepenuhnya dan juga menyokong matlamat negara untuk menjadi Negara Pintar.

B. Pembaharuan Prosedur Sivil

5. Sistem litigasi sivil memberi kuasa kepada individu dan perniagaan untuk menegaskan dan menguatkuasakan hak dan menawarkan mekanisme untuk penyelesaian pertikaian. Keadilan sivil adalah penting bukan sahaja untuk menegaskan kedaulatan undang-undang tetapi juga untuk memupuk ekonomi yang mantap dan memastikan masyarakat yang adil dan saksama. Dan untuk menyokong Wawasan 2035 Brunei Darussalam untuk menjadi ekonomi yang dinamik dan lestari, proses litigasi kita perlu diselaraskan dan mencerminkan realiti sosio-ekonomi, memanfaatkan kemajuan teknologi dan menyesuaikan diri untuk memenuhi keperluan pengguna mahkamah masa ini. Melangkah ke hadapan, perubahan diperlukan untuk memperbaiki dan mengemas kini sistem litigasi sivil serta memperkukuh akses kepada keadilan dan meningkatkan kecekapan.
6. Oleh itu, saya mengarahkan Pemangku Ketua Pendaftar untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja untuk mengumpulkan kepakaran anggota dari badan Kehakiman, Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-Undang untuk mengkaji semula peraturan prosedur sivil kita dan memutuskan cara terbaik untuk mewujudkan system litigasi sivil yang moden dan cekap. Amat penting untuk kita bekerjasama mencadangkan pembaharuan dan mengenal pasti cara untuk memperbaiki keadilan awam sedemikian rupa sehingga ia akan memberi manfaat kepada pengguna mahkamah masa ini dan juga pada masa akan datang. Saya ingin melihat jawatankuasa kerja memacu pembaharuan dan menjadikan sistem tersebut berkesan untuk abad ke-21.

TERJEMAHAN

C. Keadilan Keluarga Restoratif

7. Sebagai sebuah masyarakat, kita sangat mementingkan institusi keluarga dan memberikan sokongan kepada keluarga ketika menangani isu-isu seperti perceraian, perpisahan, hak penjagaan anak dan nafkah adalah sangat penting. Dalam menyampaikan keadilan keluarga, kami berusaha untuk memastikan bahawa mahkamah memenuhi keperluan keluarga dengan menyelesaikan pertikaian dengan tepat pada masanya dan dengan gangguan yang minima. Walaubagaimanapun, sistem keadilan keluarga tidak dapat dipertimbangkan secara berasingan. Visi Badan Kehakiman bagi Keadilan Keluarga Restoratif menyokong Pelan Sosial Wawasan 2035 negara di mana salah satu aspirasi utama adalah untuk memperkasa keluarga yang kuat, pemedulian dan berdaya tahan.

8. Untuk tujuan ini, kami mencadangkan untuk mengukuhkan sistem keadilan keluarga bagi memastikan proses kehakiman kita menggalakkan pengantaraan, perdamaian dan kesejahteraan masyarakat jangka panjang dalam membantu memulihkan keluarga. Kami berminat untuk bekerjasama dan ingin bekerja secara aktif dengan agensi yang berkaitan apabila mengendalikan kerja kehakiman yang berkaitan dengan keluarga untuk membantu keluarga mempunyai lebih banyak akses kepada pengantaraan, kaunseling dan menggalakkan nasihat keluarga mengenai pilihan, proses dan hak serta tanggungjawab. Ini akan menyumbang kepada usaha nasional yang lebih luas untuk menyokong keluarga dan mengurangkan kesan konflik terhadap kanak-kanak, dan saya mengalu-alukan semua pihak berkepentingan dalam sektor perundangan, kesihatan dan penjagaan sosial untuk berkumpul dan membuat keadilan keluarga lebih mudah diakses dan sesuai dengan tujuannya.

D. Program 'mentorship' dan latihan

9. 'Mentorship' adalah bahagian penting dalam perjalanan seseorang di dunia undang-undang dan semua peguam muda harus secara aktif memupuk dan mencari peluang untuk program 'mentorship'. Ini memudahkan pemindahan kemahiran, etika, nilai dan tradisi profesi undang-undang. Pengalaman yang tidak ternilai dan kepakaran mentor boleh memainkan peranan penting dalam membentuk Badan Peguam yang moden, membuka kunci potensi mentees, dan memperkasakan peguam muda untuk mencapai matlamat dan kecemerlangan mereka. Saya sangat percaya nilai bimbingan dalam memupuk peningkatan profesional dalam komuniti undang-undang kita dan saya berharap ahli komuniti undang-undang kita akan mempertimbangkan skim bimbingan 'mentorship' demi untuk mendukung dan memperkasakan masa depan profesi undang-undang di Brunei.

TERJEMAHAN

10. Saya juga menggalakkan peguam untuk mendapatkan peluang pendidikan dan latihan yang lebih lanjut. Menyertai bengkel perdebatan, perbincangan dan pertandingan adalah berharga untuk mengasah kemahiran advokasi lisan. Di samping itu, membangunkan kecekapan undang-undang dalam bidang data dan ekonomi digital juga akan membantu apabila peguam dijangka menangani dan menasihati isu-isu undang-undang yang melibatkan hal-hal pengawalseliaan teknologi yang terdiri daripada e-Dagang, privasi data dan perlindungan, keselamatan siber dan jenayah siber. Saya juga ingin menekankan pentingnya mempunyai kemahiran dan piawaian etika yang diperlukan untuk mengamalkan undang-undang di era AI.

E. Garis panduan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI)

11. Dalam hal yang berkaitan, saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa Badan Kehakiman akan memperkenalkan garis panduan mengenai penggunaan AI generatif untuk para hakim dan pegawai kehakiman. Garis panduan ini akan membentuk peraturan umum dan membimbing prinsip mengenai peraturan penggunaan AI dalam menjalankan tugas kehakiman. Saya harus menekankan bahawa AI memberi sokongan tetapi tidak akan menggantikan fungsi dan prinsip-prinsip kebebasan kehakiman, kesaksamaan dan akauntabiliti harus terus tetap ditegakkan. Sesungguhnya, adalah penting untuk memanfaatkan kebaikan penggunaan teknologi AI, sambil menetapkan dengan jelas peranan manusia dalam pentadbiran keadilan. Sehubungan dengan ini, saya juga mencadangkan agar Persatuan Undang-Undang meneliti penghasilan garis panduan bagi ahli profesion guaman yang menggunakan atau bercadang untuk menggunakan alat AI generatif sebagai sebahagian daripada amalan mereka.

F. Pembaharuan Insolvensi

12. Pada bulan Julai 2024, kita telah mengadakan taklimat mengenai insolvensi dan hal-hal penstrukturan semula dengan pihak berkepentingan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Peguam Negara. Taklimat tersebut disampaikan oleh Hakim Kannan Ramesh, Hakim Bahagian Rayuan Mahkamah Besar Singapura mengenai "Insolvensi dan Penstrukturan Semula: Perjalanan Singapura" di mana kita berpeluang untuk mempelajari pengalaman terkini Singapura dalam memperbaharui rejim insolvensi dan penstrukturan semula mereka.

13. Secara ringkas, Singapura telah beralih daripada model yang dipacu oleh pemiutang dalam mengutamakan hak pemiutang apabila menangani kes insolvensi. Sebaliknya, negara ini kini

TERJEMAHAN

bergerak ke arah satu rejim yang memberi penekanan lebih besar kepada pemulihan serta pemeliharaan nilai perniagaan.

14. Singapura juga memperkenalkan inisiatif pra-kebankrapan seperti Skim Pembayaran Balik Hutang yang membolehkan penghutang dengan hutang tidak bercagar memasuki pelan pembayaran balik hutang dengan pemiutang mereka dan mengelakkan kebangkrapan, bersama dengan sekatan dan stigma sosialnya. Singapura juga mengiktiraf keperluan untuk membantu individu menangani masalah hutang tidak bercagar mereka dan melalui pertubuhan tidak berasaskan keuntungan, Credit Counseling Singapore (CCS), ia telah membantu lebih 35,000 orang melalui pendidikan, kaunseling kredit dan memudahkan penstrukturan semula hutang.

15. Selepas taklimat tersebut, kami mula mendapatkan pandangan daripada pelbagai agensi kerajaan tentang:

- i. Sama ada rejim kebangkrapan dan insolvensi Negara Brunei Darussalam pada masa ini mencukupi untuk memenuhi keperluan komuniti perniagaan?
- ii. Sama ada rejim masa ini mesra pengguna dan boleh diakses oleh individu dan syarikat?
- iii. Sama ada terdapat jurang yang perlu ditangani dalam undang-undang dan rangka kerja kebangkrapan dan insolvensi di Negara Brunei Darussalam? dan
- iv. Sama ada Negara Brunei Darussalam perlu melihat untuk memperbaharui undang-undang dan rangka kerja kebangkrapan dan insolvensi kepada struktur yang serupa dengan Singapura?

16. Tindakan kami seterusnya ialah bekerjasama dengan Persatuan Undang-undang dan mendapatkan pandangan mereka mengenai isu yang sama yang disebutkan. Saya harus mengulangi bahawa semua pihak berkepentingan harus menyedari kepentingan ekosistem insolvensi dan penstrukturan semula yang berkesan dalam membawa manfaat kepada ekonomi kita dalam menggalakkan keusahawanan, akses kepada kewangan dan pertumbuhan ekonomi. Sesungguhnya, ini memerlukan pendekatan menyeluruh dalam negara dan pembaharuan rejim insolvensi dan penstrukturan semula Negara Brunei Darussalam hanya akan dapat dicapai dengan usaha bersepadu dan usahasama semua pihak berkepentingan.

TERJEMAHAN

III. PERKEMBANGAN UTAMA PADA 2024

A. Statistik

17. Sekarang saya akan mengimbas perkembangan sepanjang tahun lalu dan mulakan dengan ringkasan statistik mahkamah kita untuk tempoh 12 bulan yang berakhir pada Disember 2024. Kadar pelupusan yang tinggi telah dicapai dalam kes sivil Mahkamah Majistret pada 100% dan Kes jenayah di mahkamah Majistret pada 90%, menandakan peningkatan yang ketara daripada kadar pelupusan tahun sebelumnya masing-masing sebanyak 83% dan 80%. Sementara itu, kes jenayah Mahkamah Perantaraan mencapai kadar pelupusan sebanyak 92%.

18. Dari segi masa yang diambil untuk penyampaian penghakiman, 88% daripada penghakiman untuk kes jenayah Mahkamah Majistret telah disampaikan dalam tempoh tiga bulan dari penutupan penghujahan, manakala 75% daripada penghakiman telah disampaikan dalam tempoh tiga bulan dari penutupan penghujahan dalam Kes sivil Mahkamah Tinggi.

19. Jumlah kes jenayah yang difailkan di Mahkamah Majistret menunjukkan penurunan keseluruhan daripada 498 kes yang difailkan pada 2023 kepada 481 kes yang difailkan pada 2024. Terdapat penurunan yang sama dalam jumlah kes jenayah yang difailkan di Mahkamah Perantaraan dengan 58 kes difailkan pada tahun 2023 dan 49 kes difailkan pada 2024 dan juga untuk kes jenayah Mahkamah Tinggi dengan 14 kes difailkan pada 2023 dan 12 difailkan pada 2024.

20. Statistik menunjukkan bahawa bilangan permohonan untuk pendaftaran perkahwinan telah menurun dengan ketara daripada 115 pada 2023 kepada 66 pada 2024, manakala terdapat peningkatan dalam bilangan petisyen perceraian yang difailkan. Bilangan perbicaraan dalam kamar hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Perantaraan di hadapan Pendaftar menunjukkan peningkatan yang ketara daripada 497 pada 2023 kepada 535 pada 2024. Pejabat Pendaftaran Probet juga menyaksikan peningkatan dalam jumlah permohonan untuk surat pentadbiran, dengan jumlah 768 permohonan diterima pada tahun 2024. Begitu juga Pejabat Penerima Rasmi menyaksikan peningkatan dalam bilangan notis kebankrapan yang difailkan daripada 344 pada 2023 kepada 350 pada tahun 2024. Terdapat juga peningkatan

TERJEMAHAN

dalam bilangan perintah penggulungan, dengan 9 syarikat telah dibubarkan pada 2023 dan 15 pada 2024.

B. Penglibatan Antarabangsa

21. Sekarang saya beralih kepada penglibatan antarabangsa kita dan usaha kita untuk memupuk perkongsian jangka panjang dengan rakan Badan Kehakiman luar negara. Tahun 2024 telah menyaksikan kemajuan dalam mengukuhkan perhubungan, kolaborasi dan kerjasama kita dengan negara negara sahabat.

22. Kita telah menjalinkan hubungan dua hala secara formal dengan menandatangani Memorandum Kerjasama Kehakiman (MOJC) dengan Mahkamah Persekutuan Malaysia dan dengan Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Kehakiman Republik Peru. Kita telah mendapat penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada Ketua Hakim Negara Malaysia Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat dan rombongan beliau pada bulan Mac 2024. Saya kemudiannya berpeluang melawat ke Istana Kehakiman di Lima pada November 2024, di mana kami telah dialu-alukan oleh Presiden Mahkamah Besar Peru, Dr Javier Arevalo Vela semasa menandatangani MOU tersebut.

23. Bagi meneruskan dan mengukuhkan perkongsian rakan serantau, Suruhanjaya Tinggi Australia telah menganjurkan mesyuarat pengenalan secara dalam talian dengan Ketua Hakim William Alstergren, Federal Circuit dan Family Court Australia pada bulan Februari 2024. Ketua Hakim Alstergren dan saya telah mengadakan perbincangan yang produktif tentang pengurusan kes dan pengantaraan bagi perkara-perkara yang melibatkan keluarga dan kanak-kanak dan kita berharap akan dapat mendukung perkongsian komprehensif Australia-Brunei di bawah tonggak kerjasama kehakiman.

24. Seterusnya pada Mac 2024, saya mewakili Badan Kehakiman kita di Seminar Kehakiman kali ke-8 tentang Litigasi Komersial di Hong Kong SAR dan pada November 2024 pada Mesyuarat Ke-11 Majlis Ketua Hakim Negara ASEAN (CACJ) di Filipina.

TERJEMAHAN

25. Pada Julai 2024, kita telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada Ketua Hakim Singapura Sundaresh Menon dan rombongannya sebagai sebahagian daripada mesyuarat dua hala tahunan pertama antara Badan Kehakiman kita dan Mahkamah Besar Singapura. Ia adalah satu keistimewaan apabila Ketua Hakim Menon menyampaikan ucapan di Mahkamah Besar mengenai "Peranan badan kehakiman yang berkesan dan cekap bagi menggalakkan pembangunan ekonomi: perspektif Singapura" kepada lebih 230 hadirin, yang terdiri daripada ahli komuniti undang-undang, penuntut perundangan dan perwakilan daripada pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

26. Kita telah memperingati ulang tahun ke-20 pemeteraian Memorandum Kerjasama (MOC) antara Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam dan Supreme People's Court of the People's Republic of China dengan lawatan ke Beijing dan Shanghai pada September 2024, yang telah kerjasama oleh Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam. Saya dengan berbesar hati telah bertemu dengan Tuan Yang Terutama Zhang Jun, Ketua Hakim Negara Republik Rakyat China di mana saya dan beliau menyatakan komitmen bersama kami untuk memupuk hubungan kehakiman yang lebih kukuh antara kedua-dua bidang kuasa dengan Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah diperbaharui.

27. Kita kemudiannya mengalu-alukan kedatangan Setiausaha Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR), Tuan Yang Terutama Paul Lam, SC dalam lawatan kerja pertamanya ke Negara Brunei Darussalam pada bulan September 2024. Lawatan Setiausaha Kehakiman ke Negara Brunei Darussalam menandakan satu mercu tanda penting berikutan pemeteraian Memorandum Kerjasama (MOC) antara Mahkamah Besar kita dan Jabatan Kehakiman Hong Kong (DoJ) pada bulan Mei 2023.

28. Saya juga berbesar hati untuk menghadiri Pembukaan Tahun Undang-undang di England dan Wales pada bulan Oktober 2024, yang merupakan kali pertama seorang Ketua Hakim Negara dari Negara Brunei Darussalam hadir buat julung-julung kalinya. Saya telah berpeluang untuk bertemu dengan Ketua Hakim Negara England dan Wales, Yang Amat Arif Dame Sue Carr dan berbesar hati untuk berhubung semula dengan Master of the Rolls, Yang Arif Sir Geoffrey Vos dan Timbalan Presiden Mahkamah Agung United Kingdom, Yang Arif Lord Hodge.

TERJEMAHAN

29. Semasa berada di London, saya juga dapat berjumpa dengan penuntut undang-undang Brunei di Suruhanjaya Tinggi Brunei. Ia adalah kali pertama seorang Ketua Hakim Negara dan anggota Badan Kehakiman terlibat dengan pelajar undang-undang Brunei yang berpangkalan di United Kingdom. Saya sangat teruja oleh minat berterusan penuntut-penuntut Brunei untuk mempelajari dan mengamalkan undang-undang. Badan Kehakiman komited untuk menyokong penuntut dan graduan dalam pembelajaran mereka di bidang undang-undang kerana mereka mempunyai peranan penting untuk menerajui profesi undang-undang Brunei pada masa hadapan.

30. Pertukaran antara badan kehakiman memupuk pembinaan kapasiti dan penerapan amalan terbaik. Kerjasama kehakiman telah membina kepercayaan dan rasa hormat menghormati antara negara dengan memastikan proses undang-undang yang adil dan telus. Ia menyumbang kepada hubungan diplomatik dan ekonomi yang lebih luas dengan mewujudkan persekitaran yang sehat untuk perdagangan dan pelaburan antarabangsa.

C. Penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwal Undang-undang Bersama (JLAC)

31. Sukacita saya melaporkan penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwal Undang-undang Bersama (JLAC) pada Mei 2024 di mana Pemangku Ketua Pendaftar bersama ahli jawatankuasa dari Badan Kehakiman, Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-undang telah bekerjasama untuk menangani isu-isu undang-undang yang saling berkaitan yang dihadapi oleh komuniti undang-undang.

32. Pada masa ini terdapat enam kumpulan kerja di bawah JLAC yang ditugaskan untuk menangani pindaan kepada Akta Profesi Undang-undang (LPA), pindaan kepada Peraturan Akta Profesi Undang-undang, institusi rangka kerja Pembangunan Profesional Berterusan, prosedur kemasukan ke Badan Peguam, skim Rakan McKenzie dan kemaskini kepada garis panduan anugerah kecederaan peribadi.

TERJEMAHAN

33. Kemajuan penting telah dicapai oleh JLAC dengan pindaan berikut kepada Akta Profesi Undang-undang dan Peraturan Profesi Undang-undang (Amalan dan Etika) yang telah dikemukakan kepada Penggubal Undang-undang di Pejabat Peguam Negara:

- i. Pindaan yang membolehkan Majlis Persatuan Undang-undang memohon untuk membatalkan sijil amalan, di mana sebelum ini hanya Peguam Negara yang boleh membatalkan sijil amalan;
- ii. Pindaan untuk menyelaraskan proses tatatertib peguambela dan peguamcara dengan penubuhan jawatankuasa penelitian semula di mana aduan yang tidak berasas boleh dilupuskan secara ringkas oleh jawatankuasa 2 orang dan dengan komposisi jawatankuasa siasatan dikurangkan daripada 4 orang kepada 3, di mana sebelum ini jawatankuasa siasatan penuh 4 orang adalah dikehendaki untuk bersidang;
- iii. Pindaan untuk membenarkan Ketua Pendaftar mengenakan syarat ke atas pentauliah sijil amalan, khususnya untuk mengenakan syarat ke atas pentauliah sijil amalan sekiranya peguambela dan peguamcara mempunyai penghakiman sivil tertunggak melebihi BND 50,000.00 yang belum dijelaskan sepenuhnya dalam tempoh 6 bulan;
- iv. Pindaan untuk mengawal kelakuan berhubung dengan yuran dan kos profesional, untuk profesional undang-undang bertindak demi kepentingan terbaik anak guamnya dan mengenakan bayaran kepada pelanggan secara adil untuk tugas yang diberikan;
- v. Pindaan untuk menangani tatacara proses penyelesaian pertikaian alternatif oleh pengamal undang-undang;
- vi. Pindaan untuk melarang peguambela dan peguamcara untuk bergabung dalam pengamalan mereka dengan orang yang tidak berkelayakan;
- vii. Pindaan untuk melarang pengamal undang-undang daripada mengembar-gemburkan atau menjalankan apa-apa perdagangan yang diisytiharkan oleh Ketua Hakim Negara atau Persatuan Undang-undang sebagai tidak sesuai bagi keterlibatan seorang peguambela atau peguamcara; dan
- viii. Pindaan untuk menangani dakwaan terhadap pengamal undang-undang lain.

D. PENGHARGAAN

TERJEMAHAN

34. Izinkan saya menyimpulkan dengan beberapa ucapan penghargaan. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, atas pelantikan beliau. Saya berharap untuk meneruskan kerjasama dengan Pejabat Peguam Negara dalam menegakkan prinsip keadilan dan kedaulatan undang-undang yang menyokong masyarakat kita.

35. Izinkan saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato Seri Paduka Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa di atas sumbangan beliau sepanjang menjadi Peguam Negara dan saya ucapkan selamat maju jaya untuk masa hadapan.

36. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Tuan Haji Mohammad Zainidi Bin Haji Abdul Hamid atas lantikan baru beliau sebagai Presiden Persatuan Undang-undang. Saya berharap untuk meningkatkan lagi perkongsian antara Bangku Hakim dan Badan Peguam. Tuan Haji Mohammad Zainidi menggantikan Puan Nur Azizah binti Dato Seri Paduka Hj Ahmad dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Nur Azizah atas sumbangan berharga beliau kepada komuniti undang-undang melalui penglibatan aktif beliau dengan Jawatankuasa Bersama Hal Ehwal Undang-undang dan merakamkan penghargaan kita atas khidmat bakti yang disampaikan.

37. Saya juga mengalu-alukan pelantikan Majistret Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman dan Pendaftar Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali. Mereka membawa bersama mereka pengalaman bertahun-tahun mereka sebagai Timbalan Pendakwaraya di Pejabat Peguam Negara dan ini sudah tentu akan menambahkan kekuatan Bangku kami.

38. Sebagai penutup, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pemangku Ketua Pendaftar, serta pegawai dan kakitangan Jabatan Kehakiman atas persiapan rapi untuk hari ini. Saya dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kehakiman Negera, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Alam

TERJEMAHAN

Sekitar, Taman dan Rekreasi serta Jabatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital RIPAS atas dukungan dan bantuan yang tidak ternilai.

39. Penghargaan juga ditujukan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk Perbarisan Kawalan Kehormatan, ia meneruskan tradisi upacara yang penuh makna sebagai tanda ingatan peranan penting Pasukan Polis Diraja Brunei dalam sistem keadilan.

40. Terima kasih atas kehadiran awda semua dan saya mendoakan awda semua pada tahun ini membawa kebahagiaan, kesejahteraan dan kesihatan.